



Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (9)

Tarikh : 12 November 2018

Berkuatkuasa 1 Julai 2018 alamat baharu MQA adalah:

Agensi Kelayakan Malaysia
Bangunan Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya, Selangor.

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 6/2018

CAJ PERKHIDMATAN BERHUBUNG PENILAIAN PEMATUHAN AKREDITASI PENUH PROGRAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 1/2010 'Borang Permohonan dan Fi Perkhidmatan Agensi Kelayakan Malaysia' bertarikh 16 Mac 2010 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) boleh menjalankan penilaian pematuhan program atau kelayakan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang telah memperoleh Perakuan Akreditasi [*Full Accreditation* (MQA/FA)] selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan 3(g), Peraturan-Peraturan Agensi Kelayakan Malaysia (Audit Institusi) 2011.

3. Sehubungan itu, mana-mana PPT yang telah dimaklumkan oleh MQA bagi tujuan penilaian pematuhan program atau kelayakan hendaklah mengemukakan 'Dokumen MQA-04: Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program' berserta caj yang ditetapkan bagi setiap program mengikut tahap kelayakan seperti berikut:

Bil.	Program atau Kelayakan Berdasarkan Tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualifications Framework</i> , MQF)	RM
1.	Sijil (Tahap 3 MQF)	7,000.00
2.	Diploma (Tahap 4 MQF)	7,000.00
3.	Diploma Lanjutan (Tahap 5 MQF)	7,000.00
4.	Sijil Siswazah / Diploma Siswazah (Tahap 6 MQF)	10,000.00
5.	Sarjana Muda (Tahap 6 MQF)	10,000.00
6.	Sijil Pascasiswazah / Diploma Pascasiswazah (Tahap 7 MQF)	10,000.00
7.	Sarjana (Tahap 7 MQF)	10,000.00
8.	Kedoktoran (Tahap 8 MQF)	10,000.00

4. Perkhidmatan penilaian pematuhan akreditasi penuh program ini adalah selaras dengan syarat umum setiap akreditasi program yang menetapkan pelaksanaannya sekurang-kurangnya **sekali dalam tempoh lima tahun**.

5. Justeru, caj perkhidmatan berhubung penilaian pematuhan akreditasi penuh program yang dinyatakan dalam Pekeliling ini **akan berkuat kuasa bermula daripada PPT yang ditetapkan oleh MQA untuk Penilaian Pematuhan Fasa Tiga**. Selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling ini, caj yang ditetapkan di perenggan 3 akan menggantikan Perkara '(7)' mengenai 'Penilaian Semula Program atau Kelayakan' pada Jadual Fi Agensi Kelayakan Malaysia 2010 dalam Pekeliling MQA Bil. 1/2010.

6. Pihak MQA berharap agar semua PPT mengambil maklum mengenai kadar caj tersebut dan mematuhi ketetapan pembayaran dalam usaha memantapkan serta melancarkan proses penilaian pematuhan akreditasi penuh program yang akan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
26600 PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR

9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Tingkat 9, Canselori
Universiti Malaya
50603 KUALA LUMPUR